

Wadah Komunikasi Grafik Akhbar Shah Alam Jurnalis (SAJ): Satu Analisis

Zulkifli Abd Latiff

Abstrak

Kajian ini memperlihatkan penggunaan elemen-elemen reka bentuk seperti konsistensi, keseimbangan, penekanan dan kesatuan dalam penerbitan akhbar Shah Alam Jurnalis (SAJ) demi mengekalkan identiti dan imejnya. Ini dikuatkan dengan pemurnian reka bentuk seperti penggunaan "white space", "leading", "kerning", "indention", "margin" dan garisan yang menjadi panduan dan pedoman dalam menjadikan hasil penerbitan itu sebagai suatu bahan bacaan yang dapat menarik pembacanya. Kemantapan kajian penerbitan ini diperkukuhkan lagi dengan penilaian terhadap penggunaan taipografi yang merangkumi jenis dan saiz taip yang bersesuaian dapat memberikan kelegaan dan keselesaan kepada deria penglihatan pembaca yang dapat dinilai menerusi aspek keterbacaan dan kebolehbacaannya. Menerusi penggunaan ilustrasi, gambar dan grafik dapat menjadikan penerbitan itu suatu bahan yang menarik serta memberi keseronokan kepada pembaca. Kajian reka bentuk moden mencadangkan pembaca hari ini lebih menyukai berita yang sedikit, berita yang kurang bersambung, reka bentuk melintang, grafik dan foto yang besar dan banyak. Hasil daripada penggabungan kesemua perkara ini telah dapat menentukan haluan komunikasi grafik yang perlu dijadikan gaya penerbitan bagi akhbar SAJ.

Pendahuluan

Apabila memperkatakan mengenai nilai-nilai komunikasi grafik dalam reka bentuk, terdapat satu pepatah yang sering dijadikan pedoman oleh kebanyakan pengarang iaitu "don't judge the book by its cover" (jangan menilai sesebuah buku dari kulitnya). Namun begitu pepatah ini agak kurang jelas menyatakan aspek yang manakah lebih penting

untuk menilai sesebuah penerbitan sama ada reka bentuknya ataupun kandungan isinya. Sejarah teknologi komunikasi bermula lebih dari 35,000 tahun yang lampau sewaktu era Paleolithic dengan penemuan lakaran dan lukisan kasar yang diperbuat daripada tanah liat. Era ini berakhir sehingga hampir lebih kurang 10,000 tahun sebelum masihi dengan penemuan lukisan di dinding-dinding gua di Altamira, Sepanyol. Lukisan di dinding gua ini adakalanya dirujuk sebagai pictographs yang membawa makna “menulis dengan gambar”.

Penciptaan mesin cetak pertama pada tahun 1455 oleh Gutenberg telah membuka era baru dalam bidang penerbitan dan percetakan dunia. Menerusi penciptaan mesin cetak ini, haluan komunikasi dalam reka bentuk dan reka letak telah mengalami evolusi yang begitu menarik untuk dikaji. Hari ini reka bentuk dan reka letak bagi sesebuah penerbitan telah menjadi semakin mudah untuk dihasilkan dengan terciptanya komputer sama ada pada sistem Macintosh ataupun PC (Windows). Di samping itu, bilangan perisian yang berkaitan dengan reka bentuk dan reka letak seperti Adobe Page Maker, Illustrator, Photoshop, Quark Xpress dan sebagainya, telah mempercepatkan penghasilan penerbitan. Istilah DTP (Desktop Publishing) sudah tidak asing lagi bagi kita malahan ianya bukan sahaja boleh dikendalikan oleh pereka grafik bagi sesebuah penerbit atau pencetak, tetapi juga oleh para pelajar sekolah dan universiti serta kakitangan pentadbiran sesebuah jabatan atau organisasi.

Hari ini semakin banyak IPTA dan IPTS serta agensi-agensi tertentu menawarkan kursus-kursus reka bentuk dan reka letak, penerbitan dan percetakan kepada para pelajar mereka. Kursus ini diperlukan sama ada untuk menyediakan bakal pekerja yang berkebolehan, ataupun pekerja yang berkebolehan untuk ditingkatkan kemahirannya dalam bidang penerbitan dan percetakan yang berkaitan. Dalam bidang pengajian komunikasi pula, kursus-kursus ini amat sesuai dipelajari oleh pelajar-pelajar dalam bidang kewartawanan, perhubungan awam, penyiaran, periklanan dan penerbitan khususnya. Begitu juga bagi pelajar yang mendalami seni grafik dan percetakan di UiTM.

Permasalahan kajian

Kajian mengenai komunikasi grafik (reka bentuk dan reka letak) dalam akhbar wajar dilakukan sebagai satu usaha untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu akhbar yang diedarkan sama ada untuk tujuan komersial ataupun secara dalaman bagi tujuan memenuhi keperluan dan kehendak kursus yang dipelajari. Adalah menjadi tanggungjawab penulis dan penerbit sesebuah akhbar untuk mendalami bidang grafik dan taipografi agar akhbar yang diterbitkan dapat menarik minat pembaca untuk terus membaca akhbar tersebut, selain daripada memastikan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis dan penerbit dapat difahami oleh audiennya. Seseorang itu tidak dikatakan pembaca yang baik sekiranya tidak berjaya memahami mesej atau maklumat yang hendak disampaikan oleh penulis dalam penulisannya. Dengan itu, penulis haruslah memastikan bahawa beliau telah meyampaikan mesej atau maklumat dalam bentuk yang diminati dan mudah difahami (Noor Suriati Salim, 2004).

Goodman & Miles (1970) menyarankan bahawa “bahan bacaan adalah satu proses yang kompleks, di mana seseorang pembaca perlu menyusun balik mesej yang dienkod oleh penulis dalam bahasa grafik.” Seperti yang sedia maklum, proses komunikasi terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga elemen utama. Ketiga-tiga elemen tersebut adalah sumber, mesej dan penerima. Elemen maklum balas merupakan salah satu aspek paling penting dalam mewujudkan komunikasi yang berkesan.

Menurut Osgood (1988), setiap proses komunikasi yang lengkap seharusnya melibatkan dua unit sumber (konteks kajian penerbit dan penulis) dan juga destinasi (konteks kajian pembaca). Mana-mana unit yang menghubungkan mereka menjadi satu sistem tunggal dikenali sebagai mesej. Bersandarkan kepada penakrifan Osgood, penerbit dan penulis haruslah merapatkan diri dengan pembaca supaya mereka dapat memahami keperluan sasaran. Pendek kata, maklum balas daripada pembaca merupakan intisari penting dalam penghasilan sesebuah penerbitan. Jika maklum balas ini tidak diambil kira, maka ia akan mempengaruhi keberkesanan proses komunikasi tersebut.

Objektif kajian

Secara umumnya tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menjelaskan haluan komunikasi grafik dalam reka bentuk dan reka letak bagi akhbar Shah Alam Journalis (SAJ). Justeru itu, penjelasan mengenai haluan komunikasi dapat diperlengkapkan dalam objektif sampingan yang menjadi dokongan dan sokongan kepada objektif ini yang antaranya ialah: pertama, mengenal pasti elemen-elemen konsistensi dalam reka bentuk dan reka letak bagi akhbar SAJ. Kedua, untuk menilai penggunaan prinsip-prinsip reka bentuk dalam akhbar SAJ. Ketiga, untuk mengetahui proses-proses penggunaan taipografi dalam reka bentuk dan reka letak akhbar SAJ, dan keempat, untuk menilai penggunaan ilustrasi dan gambar foto yang terdapat dalam akhbar SAJ.

Reka Bentuk kajian

Tujuan sebenar penyelidikan ini ialah untuk melihat dua perkara utama yang menjadi tunjang kepada usaha untuk mendapatkan maklumat berkaitan iaitu i. reka bentuk dan reka letak akhbar Shah Alam Journalis, dan ii. penilaian pembaca terhadap reka bentuk akhbar itu sendiri. Secara umumnya penyelidikan ini menggunakan kaedah soal selidik dengan menganalisis datanya menerusi kekerapan (frekuensi) dan taburan silang (cross-tabulation) yang menggunakan kaedah statistik korelasi “Spearman Rho”. Bagaimanapun dapatan daripada kaedah taburan silang tidak dilaporkan di sini kerana majoriti dapatannya lebih banyak menekankan kepada hala tuju komunikasi dalam penyelidikan ini.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan borang soal selidik sebagai senjata utama dalam mendapatkan keputusan terhadap pandangan dan penilaian pembaca mengenai reka bentuk dan reka letak akhbar Shah Alam Journalis. Bagi kategori pembaca ia terbahagi pula kepada dua kumpulan iaitu kakitangan (merangkumi kakitangan

akademik dan pentadbiran) dan pelajar UiTM, Shah Alam. Pecahan agihan borang soal selidik ini pada asalnya ialah 50 untuk kakitangan dan 280 untuk pelajar, yang membawa jumlah soal selidik yang diedarkan ialah sebanyak 330. Pada mulanya penyelidik berhasrat untuk menjadikan penyelidikan ini terbuka kepada semua staf dan pelajar UiTM, tetapi responnya amat dikhuatiri dan diramalkan bakal menjejaskan penyelidikan ini. Justeru itu, keputusan telah dibuat dengan memberi tumpuan penyelidikan hanya di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Shah Alam atas justifikasi seperti berikut: pertama, akhbar ini merupakan terbitan fakulti dan reka bentuknya juga diuruskan di peringkat fakulti. Kedua, edaran dan penjualannya lebih meluas di peringkat fakulti berbanding di tempat-tempat lain dan ketiga, fakulti lebih arif dengan reka bentuk dan reka letak demi untuk memenuhi keperluan yang telah ditetapkan oleh kursus.

Analisis data

Soalan pertama dalam soal selidik mengenai hal ini adalah berkaitan dengan apakah responden pernah membaca akhbar Shah Alam *Jurnal*? Jawapan kepada persoalan pertama ini amat penting dalam kajian kerana hanya responden yang pernah membaca sahaja akan dapat meneruskan jawapan ke atas soalan-soalan yang dikemukakan. Bagi responden yang tidak membaca akhbar ini jawapan mereka terpaksa ditamatkan di sini. Memeranjatkan juga apabila responden seramai 76 daripada kesemua 330 responden tidak pernah membaca akhbar Shah Alam *Jurnal* ini. Namun begitu, hanya responden seramai 254 daripada kesemua responden pernah membaca akhbar ini. Justeru itu, kebanyakan daripada analisis kajian pada angkubah-angkubah tertentu adalah berdasarkan angka **254** atau 77 % daripada jumlah responden yang pernah membaca akhbar Shah Alam *Jurnal*. Pada dasarnya penyelidikan ini bukanlah bertujuan untuk mengenal pasti pengedaran akhbar Shah Alam *Jurnal* tetapi apa yang amat difokuskan ialah reka bentuk dan pembacanya sahaja.

JADUAL 1: Pernah Membaca Akhbar Shah Alam Journalis

| Angkubah | Frekuensi | Peratus |
|--------------|------------|------------|
| Tidak | 76 | 23.0 |
| Ya | 254 | 77.0 |
| Total | 330 | 100 |

Elemen-elemen konsistensi yang dilibatkan dalam penyelidikan ini antaranya ialah keseragaman pada rupa dan saiz huruf, dan keseragaman format dan reka bentuk halaman serta penggunaan grafik.

JADUAL 2: Keseragaman Rupa dan Saiz Huruf di Setiap Halaman

| Angkubah | Frekuensi | Peratus |
|-----------------------|------------|------------|
| Langsung Tidak Setuju | 2 | 0.8 |
| Tidak Setuju | 39 | 15.4 |
| Tidak Pasti | 73 | 28.7 |
| Setuju | 131 | 51.6 |
| Sangat Setuju | 9 | 3.5 |
| Total | 254 | 100 |

Responden telah ditanya mengenai rupa dan saiz huruf yang seragam digunakan untuk setiap halaman bagi penerbitan semua akhbar Shah Alam Journalis? Lebih separuh daripada responden (51.6%) telah mengatakan mereka setuju dengan rupa dan saiz huruf adalah seragam pada setiap keluaran akhbar ini. Ini diperkuatkan dengan 3.5% responden pada kategori sangat setuju pada pernyataan soal selidik ini. Kalaupun digabungkan golongan mereka yang langsung tidak setuju dan tidak setuju, maka didapati hanya 16.2% atau 41 responden yang tidak bersetuju dengan keseragaman rupa dan saiz huruf pada setiap keluaran akhbar ini. Manakala hanya 28.7% atau 73 responden bersikap tidak pasti pada kenyataan ini.

JADUAL 3: Keseragaman Format dan Reka Bentuk Halaman Serta Grafik

| Angkubah | Frekuensi | Peratus |
|-----------------------|------------|------------|
| Langsung Tidak Setuju | 9 | 3.5 |
| Tidak Setuju | 73 | 28.7 |
| Tidak Pasti | 102 | 40.2 |
| Setuju | 68 | 26.8 |
| Sangat Setuju | 2 | 0.8 |
| Total | 254 | 100 |

Hampir 40.2% daripada rersponden telah menyatakan bahawa mereka tidak pasti dengan format dan reka bentuk halaman, dan penggunaan grafik serta garisan menarik perhatian mereka. Hanya jika digabungkan bilangan responden yang sangat setuju dan setuju iaitu 27.6% atau 70 responden bersetuju dengan kenyataan, tetapi sebanyak 32.2% atau 82 responden yang digabungkan dalam kategori langsung tidak setuju dan tidak setuju, sama sekali menyatakan format dan reka bentuk halaman dan penggunaan grafik serta garisan pada akhbar ini tidak menarik sama sekali.

Manakala bagi prinsip-prinsip reka bentuk pula dapatan kajian lebih menumpukan kepada prinsip-prinsip seperti penggunaan kontras (contrast), penekanan (emphasis) keseimbangan (balance), penjajaran (alignment) dan perulangan (repetition). Soalan ini pada jadual 4 cuba mendapatkan maklumat mengenai bagaimana elemen kontras ke atas saiz dan muka huruf memberi penekanan kepada mesej yang hendak disampaikan. Hampir lebih daripada 156 responden iaitu 61.4% setuju bahawa kontras pada saiz dan muka huruf memberi penekanan ke atas berita dan tajuk berita. Ini ditambah pula dengan responden yang sangat setuju iaitu 15.4%. Walau bagaimanapun seramai 14 atau 5.5% responden tidak setuju akan kenyataan ini, dan 45 atau 17.7% responden bersikap tidak pasti.

JADUAL 4: Kontras Saiz dan Muka Huruf Beri Penekanan ke Atas Berita dan Tajuk

| Angkubah | Frekuensi | Peratus |
|---------------|------------|------------|
| Tidak Setuju | 14 | 5.5 |
| Tidak Pasti | 45 | 17.7 |
| Setuju | 156 | 61.4 |
| Sangat Setuju | 39 | 15.4 |
| Total | 254 | 100 |

Ketidakteragaman dan perbezaan pada saiz kotak memberi kekuatan terhadap penggunaan elemen kontras yang lebih nyata. Lebih separuh responden (51.2%) telah mengatakan bahawa mereka bersetuju ketidakteragaman dan perbezaan pada saiz kotak menjadikan sesebuah penerbitan lebih menarik dan berkesan. Walaupun responden seramai 13 atau 5.1% tetapi mereka sangat setuju dan menyokong peratusan dan pendapat tadi. Namun begitu, bilangan responden yang tidak pasti adalah agak tinggi iaitu 100 atau 39.4% dan yang tidak setuju hanya 11 atau 4.3% sahaja.

JADUAL 5: Ketidakteragaman dan Perbezaan Saiz Kotak Gambar

| Angkubah | Frekuensi | Peratus |
|---------------|------------|------------|
| Tidak Setuju | 11 | 4.3 |
| Tidak Pasti | 100 | 39.4 |
| Setuju | 130 | 51.2 |
| Sangat Setuju | 13 | 5.1 |
| Total | 254 | 100 |

Responden juga ditanya mengenai kekerapan reka bentuk yang seimbang di antara berita, gambar dan grafik pada setiap halaman akhbar ini. Ternyata sekali setiap halaman akhbar ini tidak seimbang dari aspek reka bentuknya, dan ini dibuktikan dengan bilangan responden yang menjawab tidak kerap dan digabungkan dengan kategori amat tidak kerap seramai 135 atau 53.2%. Hanya 118 atau 46.5% responden menyatakan kerap seimbang dan 0.4% sahaja amat kerap.

JADUAL 6: Kekerapan Reka Bentuk Seimbang di Antara Berita, Gambar dan Grafik

| Angkubah | Frekuensi | Peratus |
|------------------|------------|------------|
| Amat Tidak Kerap | 6 | 2.4 |
| Tidak Kerap | 129 | 50.8 |
| Kerap | 118 | 46.5 |
| Amat Kerap | 1 | 0.4 |
| Total | 254 | 100 |

Soalan penjajaran teks ini dikemukakan bertujuan untuk mendapat keputusan yang mana lebih diminati oleh pembaca dalam menentukan kebolehbacaan (readability) sama ada penjajaran kiri (left justify) atau penjajaran kedua-duanya sekali (justify).

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa aliran pembacaan hari ini bagi negara kita lebih cenderung kepada penajajaran kedua-duanya sekali. Hal ini dibuktikan menerusi keputusan pada soal selidik ini iaitu hampir lebih separuh daripada responden yakni 152 atau 59.8% telah bersetuju. Ini diperkukuhkan lagi dengan sokongan daripada kategori sangat setuju iaitu 8.7%. Hanya 24.8% tidak pasti dalam perkara ini dan bagi kategori tidak setuju dan langsung tidak setuju seramai 17 atau 6.7% sahaja.

JADUAL 7: Penajajaran Teks Berita Memudahkan Kebolehbacaan

| Angkubah | Frekuensi | Peratus |
|-----------------------|------------|------------|
| Langsung Tidak Setuju | 1 | 0.4 |
| Tidak Setuju | 16 | 6.3 |
| Tidak Pasti | 63 | 24.8 |
| Setuju | 152 | 59.8 |
| Sangat Setuju | 22 | 8.7 |
| Total | 254 | 100 |

Tujuan prinsip perulangan (repetition) dalam sesebuah penerbitan antaranya ialah untuk menjalinkan bersama atau penyatuan komponen visual yang berasingan dalam satu reka bentuk penerbitan. Namun begitu dalam penyelidikan ini ramai responden iaitu 101 atau 39.8% tidak pasti akan perkara ini. Bagaimanapun jika digabungkan responden dalam kategori sangat setuju dan setuju, seramai 96 atau 37.8% responden bersetuju bahawa perulangan elemen grafik akan menjadikan akhbar Shah Alam Jurnalists lebih menarik dan menampilkan gaya penerbitnya yang tersendiri.

JADUAL 8: Perulangan Elemen Grafik

| Angkubah | Frekuensi | Peratus |
|-----------------------|------------|------------|
| Langsung Tidak Setuju | 6 | 2.4 |
| Tidak Setuju | 51 | 20.1 |
| Tidak Pasti | 101 | 39.8 |
| Setuju | 89 | 35.0 |
| Sangat Setuju | 7 | 2.8 |
| Total | 254 | 100 |

Kajian ini juga memperlihatkan bagaimana penggunaan taipografi penting demi memastikan bahawa akhbar Shah Alam Jurnalists itu mudah dibaca dan diterima oleh

pembacanya. Responden telah ditanya mengenai kemudahbacaan muka huruf yang terdapat dalam akhbar Shah Alam Jurnalis. Jadual 9 menunjukkan hampir lebih separuh responden iaitu 141 atau 55.5% bersetuju menyatakan bahawa muka huruf yang digunakan mudah dibaca, manakala 13% pula responden menyatakan sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Seramai 19.3% atau 49 responden tidak pasti perkara ini. Kalau dicantumkan golongan yang tidak setuju, maka didapati 12.2% atau 31 responden yang tidak setuju muka huruf akhbar ini mudah dibaca.

JADUAL 9: Muka Huruf Mudah Dibaca

| Angkubah | Frekuensi | Peratus |
|-----------------------|------------|------------|
| Langsung Tidak Setuju | 2 | 0.8 |
| Tidak Setuju | 29 | 11.4 |
| Tidak Pasti | 49 | 19.3 |
| Setuju | 141 | 55.5 |
| Sangat Setuju | 33 | 13.0 |
| Total | 254 | 100 |

Enam kategori telah disenaraikan dalam menentukan kedudukan elemen penting yang mempengaruhi kebolehbacaan dalam sesebuah penerbitan. Kenyataan-kenyataan tersebut adalah seperti berikut: i) jenis muka huruf; ii) saiz muka huruf; iii) penggunaan perenggan; iv) panjang perkataan; v) ruangan kosong; dan vi) jarak antara baris ayat. Berdasarkan pilihan yang terbanyak yang dibuat oleh responden, Jadual 10 menunjukkan frekuensi serta “rangking top-six” bagi kenyataan-kenyataan seperti mana yang disebutkan di atas (responden telah dibenarkan menanda lebih daripada satu kenyataan). Menduduki tempat yang teratas ialah kategori “penggunaan ruangan kosong” di mana 39.8% daripada responden menyatakan hal tersebut. Responden-reponden juga menyatakan bahawa mereka memilih saiz muka huruf sebagai faktor kedua penting dalam menentukan perkara yang menjadi ukuran kebolehbacaan sesebuah penerbitan (34.6%).

Manakala bagi kategori jenis muka huruf mendapat perhatian pada tahap ketiga iaitu 33.1% dan ini diikuti pula dengan jarak antara baris ayat iaitu 32.7%. “Panjang perkataan” dan “penggunaan perenggan” masing-masing telah mampu mendapat perhatian dan pilihan responden, iaitu pada kadar 31.5% dan 28.3% bagi setiap satu kenyataan.

JADUAL 10: Keutamaan Kebolehbacaan

| Kategori Keutamaan | Frekuensi | % | Rangking |
|-------------------------|-----------|------|----------|
| Jenis Muka Huruf | 84 | 33.1 | 3 |
| Saiz Muka Huruf | 88 | 34.6 | 2 |
| Penggunaan Perenggan | 72 | 28.3 | 6 |
| Panjang Perkataan | 80 | 31.5 | 5 |
| Ruangan Kosong | 101 | 39.8 | 1 |
| Jarak Antara Baris Ayat | 83 | 32.7 | 4 |

Dalam kajian ini, penyelidik juga telah menjadikan ilustrasi dan gambar sebagai komponen yang perlu diberi perhatian penting apabila mengkaji reka bentuk dan reka letak. Ini kerana ilustrasi dan gambar sangat penting dalam menentukan sama ada akhbar itu menarik ataupun sebaliknya. Secara umumnya responden ditanya mengenai bilangan ilustrasi seperti lukisan dan gambar dalam akhbar ini adakah mencukupi bilangannya? Lebih separuh daripada responden (67.3%) telah mengatakan bilangan ilustrasi tidak mencukupi. Hanya seramai 83 atau 32.7% responden mengatakan bahawa bilangan ilustrasi itu mencukupi.

JADUAL 11: Bilangan Ilustrasi dan Gambar Mencukupi

| Angkubah | Frekuensi | Peratus |
|--------------|------------|------------|
| Tidak | 171 | 67.3 |
| Ya | 83 | 32.7 |
| Total | 254 | 100 |

Hampir separuh daripada responden yang menjawab soalan ini menyatakan bahawa mereka sangat setuju dengan kenyataan ini. Kalau digabungkan nilai "sangat setuju" dan "setuju" kedua-duanya sekali, maka secara keseluruhan ramai di kalangan responden (64.9%) mengatakan mereka setuju dengan kenyataan bahawa keserasian gambar dan berita dapat menarik perhatian pembaca menerima mesej yang hendak disampaikan. 25.6% daripada responden menyatakan mereka "tidak pasti" dengan hal ini manakala 9.1% tidak setuju dan hanya 0.4% menyatakan bahawa mereka langsung tidak setuju.

**JADUAL 12: Keceriasan Gambar dan Berita Menarik
Perhatian Pembaca**

| Angkubah | Frekuensi | Puratus |
|-----------------------|------------|------------|
| Langsung Tidak Setuju | 1 | 0.4 |
| Tidak Setuju | 23 | 9.1 |
| Tidak Pasti | 65 | 25.6 |
| Setuju | 138 | 54.3 |
| Sangat Setuju | 27 | 10.6 |
| Total | 254 | 100 |

Apa yang menarik perhatian penyelidik, dalam usaha untuk menentukan hala tuju komunikasi akhbar ini pandangan daripada responden mengenai masa depan akhbar ini jika dicetak dalam warna bagi keseluruhan halaman. Hasil yang menakjubkan serta membuktikan adalah lebih menarik sekiranya akhbar ini dicetak dengan warna kerana seramai 142 atau 55.9% responden sangat bersetuju dengan kenyataan ini. Ini pula disokong oleh responden daripada kategori "setuju" sebanyak 34.3% atau 87 responden. Manakala hanya 7.5% responden tidak pasti dan 2.4% tidak bersetuju dengan cetakan warna.

JADUAL 13: Cetak Akhbar Dalam Warna

| Angkubah | Frekuensi | Puratus |
|---------------|------------|------------|
| Tidak Setuju | 6 | 2.4 |
| Tidak Pasti | 19 | 7.5 |
| Setuju | 87 | 34.3 |
| Sangat Setuju | 142 | 55.9 |
| Total | 254 | 100 |

Dapatan dan rumusan

Kajian ini telah menunjukkan bahawa reka bentuk dan reka letak akhbar SAJ perlu menjalani proses-proses penambahbaikan demi untuk mempertingkatkan taraf dan kualitinya sebagai sebuah akhbar komuniti bagi bacaan di sekitar Universiti Teknologi Mara amnya dan Shah Alam khususnya. Hal yang amat berkaitan untuk semua penuntut bagi program kewartawanan dan penuntut-penuntut bidang komunikasi massa melihat semula kepentingan reka bentuk dan reka letak sesebuah penerbitan bukan hanya terletak pada kandungan beritanya sahaja, malahan meliputi segala aspek daripada peringkat pembikinan hingga ke peringkat pengedaran. Ini memberi petanda bahawa penilaian sebuah penerbitan bukan hanya bergantung kepada mesej yang hendak disampaikan tetapi juga apa yang lebih ditekankan ialah zahirnya juga. “Kalau rupa elok tetapi perangai tak cantik” dan sebaliknya pun menjadi satu ukuran yang harus diberi penekanan dalam setiap penerbitan sesebuah akhbar termasuk semua penerbitan yang lain.

Mesej yang baik tidak akan dapat disampaikan sekiranya medium atau pengantaranya tidak bersesuaian dengan keperluan khusus demi memastikan mesej itu diterima oleh audien atau pembacanya. Sememangnya benar kata pepatah Cina purba bahawa “jangan menilai sesebuah buku dari kulitnya” (don't judge the book by it's cover). Perkara ini mungkin dapat diterima pada masa yang lampau di mana teknologi penerbitan dan percetakan masih diperingkat “manual”. Segala kerja-kerja reka bentuk dan reka letak menggunakan kaedah lama dari peringkat atur huruf yang banyak menggunakan susunan huruf daripada bungkah-bungkah huruf hingga ke tahap penghasilan plat (plate). Hari ini ianya tidak lagi menjadi suatu keperluan utama apabila teknologi komputer mendominasi industri penerbitan dan percetakan. Kewujudan perisian komputer yang terkenal untuk kerja-kerja penerbitan atas meja atau DTP (desktop publishing) telah dapat menyingkatkan masa dalam proses penghasilan sesebuah penerbitan.

Hari ini manusia semakin sibuk dengan kecanggihan teknologi baru dan adakalanya mereka ketinggalan dengan teknologi yang seharusnya menjadi darah daging dalam membina kerjaya dan kehidupan mereka. Justeru itu, tenaga akademik yang sedia ada dan bakal ada perlu memantapkan lagi kemahiran diri dalam pengendalian dan pelaksanaan perisian komputer yang melibatkan kerja-kerja penerbitan. Namun begitu, di peringkat percetakan pula perubahan teknologi percetakan yang berlaku juga banyak membantu dalam mempercepatkan kerja-kerja pengeluaran bahan-bahan penerbitan. Hari ini cetakan hitam putih atau warna juga mempengaruhi kadar jualan bagi sesebuah penerbitan, bukan sahaja kandungan laporan atau berita yang disampaikan kepada pembaca.

Cadangan pembaikan

Demi memantapkan lagi kualiti reka bentuk dan reka letak akhbar ini beberapa tindakan perubahan perlu dilakukan. Pertama, gaya reka bentuk dan reka letak akhbar ini yang sedia ada perlu dibuat perubahan terutama dengan membanyakkan bilangan gambar dan

ilustrasi dalam setiap keluaran. Hari ini pembaca lebih suka melihat dahulu daripada membaca apa yang hendak diperkatakan oleh gambar tersebut. Lebih-lebih lagi jika gambar atau ilustrasi itu dihasilkan dalam cetakan empat warna. "...the newspapers were attractive if the newspaper use more photographs and if they use large graphics". (Wayne Wanta dan Dandan Gao, 1994) Kedua, reka bentuk dan reka letak yang konvensional hanya akan menjadikan persembahan akhbar ini kelihatan "muram". Justeru itu, reka bentuk dan reka letak yang lebih kontemporari dan terkini adalah lebih menarik. Pembaca yang tergolong daripada pelbagai kategori iaitu dewasa dan remaja yang kini terdedah dengan kecanggihan media baru yang juga turut mengaplikasikan reka bentuk dan reka letak seperti Internet, CD-ROM, "Virtual Reality", dan holografi.

Ketiga, reka bentuk dan reka letak kontemporari juga masih tetap mengekalkan elemen-elemen grafik yang diamalkan sejak dahulu lagi. Konsistensi, keseimbangan, emphasis dan perulangan merupakan elemen-elemen yang seharusnya terdapat dalam setiap penerbitan sama ada penerbitan ini konvensional ataupun kontemporari. Keempat, perbezaan ke atas jenis cetakan terutama yang melibatkan cetakan warna juga memberi suatu keputusan diluar jangkaan. Rata-rata responden berpendapat cetakan empat warna adalah sesuatu yang dapat menarik perhatian pembaca. Mod pembaca juga dipengaruhi oleh warna-warni dalam sesebuah akhbar. Pertimbangan yang sewajarnya harus difikirkan ke atas hal ini demi menuju ke arah penghasilan yang lebih menarik walaupun implikasi kewangan menjadi kayu penghalang kepada perkara ini. Walaupun kelazimannya akhbar tempatan adalah dalam bentuk hitam dan putih (Wayne Wanta dan Dandan Gao, 1994).

Kesimpulan

Walaupun kajian ini telah dijalankan pada tahun 2004, namun data-data dan dapatan kajian ini masih relevan dan boleh diguna pakai untuk dijadikan rujukan oleh pengamal penerbitan terutama penyelaras dan para pelajar diploma dan sarjana muda Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media. Sarjana komunikasi barat ada menyatakan bahawa sesuatu teknologi itu akan berubah dan akan memakan masa dalam tempoh 30 tahun, seperti mana terhapusnya media piring hitam dan digantikan dengan penggunaan CD dan VCD. Jadi apa yang perlu dilakukan di sini adalah proses menaiktarafkan sesuatu aktiviti komunikasi termasuk reka bentuk sebelum era digital dan siber sepenuhnya menaiki buana ini.

Jika dibuat perbandingan reka bentuk dan reka letak akhbar SAJ dahulu (yang dikaji) dengan SAJ terbitan edisi khas tahun 2008, ternyata apa yang dikupas oleh pengkaji pada cadangan pembaikan telah menjadi realiti. Akhbar SAJ diterbitkan dengan cetakan seratus peratus empat warna untuk setiap halaman. Apa yang lebih menarik, bilangan gambar warnanya semakin banyak untuk setiap halaman dan ditambah pula dengan penampilan rekaan "running head" yang lebih terserlah. Hal ini membuktikan bahawa gaya reka bentuk dan reka letak akhbar SAJ telah mengalami perubahan positif ke arah peningkatan kualiti produk yang lebih baik untuk memenuhi kepuasan pelanggan.

Elemen-elemen grafik seperti konsistensi, keseimbangan, penekanan (emphasis), perulangan dan kesatuan (uniti) dapat dilihat pada akhbar SAJ 2008 yang menjadikan tahap keterbacaan dan kebolehbacaan akhbar ini menjadi semakin tinggi dan seterusnya memudahkan pembacaan pembaca. Perkara ini amat dipentingkan dalam penerbitan akhbar SAJ kini, dan sudah semestinya perubahan yang dilakukan mampu menjana peningkatan kualiti hasil terbitan fakulti dan universiti amnya.

Akhir sekali, setiap perubahan yang dilakukan mampu menaiktarafkan penghasilan yang dikeluarkan. Begitu juga dalam reka bentuk dan reka letak akhbar SAJ, perubahan ke arah penambahbaikan memberi wajah baru yang lebih bertenaga kepada penerbitan akhbar komuniti fakulti SAJ.

Rujukan

- Arntson, Amy E. (2003). *Graphic Design Basic (4th Ed.)*. USA: Thomson – Wadsworth.
- Daniel Eisenberg, (1990). "In House Typesetting on a Tight Budget," *Scholarly Publishing*.
- Graham, Lisa. (2002). *Basic of Design: Layout and Typography for Beginners*. USA: Delmar – Thomson Learning.
- Greenwald, Martin L. and Luttrupp, John C. (2001). *Graphic Design and Production Technology*. USA: Prentice-Hall.
- Jamaluddin Harun dan Zaidatun Tasir. (2001). *Menguasai Dunia Grafik Berkomputer: Adobe Photoshop 6 Siri 2*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Lichty, Tom. (1994). *Design Principles for Desktop Publishers (2nd Ed.)*. USA: Wadsworth – International Thompson Publishing.
- Mohd Sidin Ahmad Ishak, (1996). *Ketrampilan Menulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wayne Wanta dan Dandan Gao, (1994). "Young Readers and the Newspaper: Information Recall and Perceived Enjoyment, Readability, and Attractiveness," *Journalism Quarterly* 71: 926-936.